



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGAN ANTARA GAYA KEIBUBAAPAN BERPENDIDIKAN
TINGGI DENGAN TAHAP KECERDASAN EMOSI
KANAK-KANAK TADIKA**

SITI RAHAYU BINTI ISHA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan di antara gaya keibubapaan berpendidikan tinggi dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan lokasi kajian melibatkan tiga buah tadika yang dipilih secara rawak dan bertujuan di daerah Petaling Utama, Selangor. Subjek kajian terdiri daripada 50 orang kanak-kanak tadika yang berumur enam tahun dan mempunyai ibu atau bapa yang berpendidikan tinggi. Tiga jenis instrumen telah digunakan dalam kajian ini iaitu *Parenting Practices Questionnaire* (PPQ) dan *Active Parenting Publisher* (APP) untuk mengenal pasti jenis gaya keibubapaan ibu bapa berpendidikan tinggi, dan *The Sullivan Emotional Intelligent Scale for Children* (EISC) untuk melihat tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika. Kajian ini juga menggunakan *Berkeley Puppet Interview* (BPI) sebagai medium perantara semasa mengumpul data. Analisis deskriptif menjelaskan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika, manakala analisis inferensi pula melibatkan ujian korelasi yang menerangkan hubungan antara pembolehubah kajian. Dapatan kajian menunjukkan gaya keibubapaan yang paling tinggi adalah gaya keibubapaan autoritarian dan tahap kecerdasan emosi keseluruhan kanak-kanak tadika berada di tahap yang sederhana. Analisis korelasi pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ($p = 0.000 < \alpha 0.05$ 2-tailed) antara kesemua gaya keibubapaan (r autoritarian = 0.757, r autoritatif = 0.783, r permisif = 0.798) dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ($p = 0.000 < \alpha 0.05$ 2-tailed) antara gaya keibubapaan berpendidikan tinggi (autoritarian) dengan setiap domain dalam kecerdasan emosi (r tahu mengenal emosi = 0.590, r tahu memahami emosi = 0.575, r tahu mengawal emosi = 0.575, r tahu mengguna emosi = 0.448). Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa memberi kesan kepada tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika. Implikasinya, kajian menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika bergantung kepada jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa mereka.





RELATIONSHIP BETWEEN PARENTING STYLES OF HIGH EDUCATION LEVEL WITH THE LEVEL OF EMOTIONAL INTELLIGENCE PRESCHOOL CHILDREN

ABSTRACT

This study aims to determine the relationship between parenting styles of higher education level with the level of preschool children's emotional intelligence. Quantitative approach with the design of the survey were used in this study. Selection location for this study were selected random and purposive at Petaling Utama district of Selangor. The subjects of this study consist of 50 preschool children aged six years old and have parents with higher education level. Three types of instruments were used in this study, which is Parenting Practices Questionnaire (PPQ) and Active Parenting Publisher (APP) to identify the types of parenting styles with higher education level, whereas The Sullivan Emotional Intelligence Scale for Children (EISC) to identify the level of preschool children's emotional intelligence. This study also uses Berkeley Puppet Interview (BPI) as an intermediate medium when collecting data. Descriptive analysis describes the level of preschool children's emotional intelligence, while inferential analysis involves correlation test to explain the relationship between two variables. The findings showed that the most practices parenting styles is an authoritarian parenting style, while overall level of preschool children's emotional intelligence are moderate. Correlation analysis showed that there is significant relationship ($p = 0.000 < \alpha 0.05$ 2-tailed) between all parenting styles (r authoritarian = 0.757, r authoritative = 0.783, r permissive = 0.798) with the level of preschool children's emotional intelligence. The findings also showed there is significant relationship ($p = 0.000 < \alpha 0.05$ 2-tailed) between the most dominant parenting style of parents with higher education level (authoritarian) with each domain in emotional intelligence (r know to recognize emotions = 0.590, r know to understand emotions = 0.575, r know to control emotions = 0.575, r know to use emotions = 0.448). The conclusion of this study showed that parenting styles does affects the level of preschool children's emotional intelligence. Implications of this study showed that the level of preschool children's emotional intelligence are depends on types of parenting styles which their parents choose to practice.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN	ii
PENGESAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	7
1.2	Pernyataan Masalah Kajian	21
1.3	Objektif Kajian	27
1.4	Persoalan Kajian	29
1.5	Hipotesis Kajian	31
1.6	Kepentingan Kajian	32
1.7	Kerangka Konsep Kajian	33
1.8	Skop Kajian	35
1.9	Batasan Kajian	36

1.10	Definisi Istilah Dan Operasi	36
1.11	Kesimpulan	40

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	41
2.1	Kerangka Teori	42
2.2	Latar Belakang Teori Kecerdasan Emosi	47
2.2.1	Model Empat Cabang Kecerdasan Emosi Mayor-Salovey	50
2.2.2	Model Kecerdasan Emosi Goleman	52
2.3	Konsep Pertumbuhan Dan Perkembangan Kanak-Kanak	55
2.3.1	Teori Perapatan John Bowlby	57
2.3.2	Teori Perkembangan Sosiobudaya Lev Vygotsky	62
2.3.3	Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson	64
2.3.4	Teori Kecerdasan Pelbagai Howard Gardner	67
2.3.5	Teori Kematangan Arnold Gesell	71
2.4	Kaedah Menemubual Kanak-Kanak	72
2.5	Konsep Gaya Keibubapaan	73
2.5.1	Model Gaya Keibubapaan Baumrind	74
2.6	Tinjauan Kajian-Kajian Lepas	77
2.6.1	Kajian Berkaitan Hubungan Di Antara Gaya Keibubapaan Ibu Dengan Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak Tadika di dalam negara	77
2.6.2	Kajian Berkaitan Hubungan Di Antara Gaya Keibubapaan Dengan Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak Tadika di luar negara	80
2.7	Kesimpulan	86

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	87
3.1	Reka Bentuk Kajian	88
3.2	Populasi Dan Sampel Kajian	90
3.3	Lokasi Kajian	91
3.4	Instrumen Kajian	93
3.4.1	Bahagian A: Latar Belakang Responden	95
3.4.2	Bahagian B: Soal Selidik Gaya Keibubapaan	95
3.4.3	Bahagian C: Soal Selidik Kecerdasan Emosi	99
3.5	Prosedur Kajian	105
3.6	Kajian Rintis	107
3.6.1	Tujuan Kajian Rintis	108
3.6.2	Prosedur Kajian Rintis	108
3.7	Kesahan	109
3.8	Kebolehpercayaan	110
3.9	Penganalisaan Data Kajian	111
3.10	Kesimpulan	113

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	114
4.1	Huraian Latar Belakang Responden	115
4.1.1	Jantina Responden	115
4.1.2	Pendidikan Ibu Bapa Responden	116
4.1.3	Sektor Pekerjaan Ibu Bapa Responden	116





4.2	Huraian Berdasarkan Kepada Persoalan Dan Hipotesis Kajian	117
4.2.1	Persoalan Kajian 1 : Apakah Jenis Gaya Keibubapaan Ibu Bapa Berpendidikan Tinggi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	117
4.2.1.1	Kekerapan, Peratusan, Min, Dan Sisihan Piawai Bagi Jenis Gaya Keibubapaan Autoritarian	118
4.2.1.2	Kekerapan, Peratusan, Min, Dan Sisihan Piawai Bagi Jenis Gaya Keibubapaan Autoritatif	121
4.2.1.3	Kekerapan, Peratusan, Min, Dan Sisihan Piawai Bagi Jenis Gaya Keibubapaan Permisif	125
4.2.1.4	Gaya Keibubapaan Ibu Bapa Berpendidikan Tinggi Yang Paling Dominan Di Daerah Petaling Utama, Selangor	128
4.2.2	Persoalan Kajian 2 : Apakah Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama Selangor	129
4.2.2.1	Kekerapan, Peratusan, Min, Dan Sisihan Piawai Tahap Tahu Mengenal Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	129
4.2.2.2	Kekerapan, Peratusan, Min, Dan Sisihan Piawai Tahap Tahu Memahami Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	134
4.2.2.3	Kekerapan, Peratusan, Min, Dan Sisihan Piawai Tahap Tahu Mengawal Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	137
4.2.2.4	Kekerapan, Peratusan, Min, Dan Sisihan Piawai Tahap Tahu Menggunakan Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	139
4.2.2.5	Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	142
4.2.3	Persoalan Kajian 3 : Adakah Terdapat Hubungan Di Antara Gaya Keibubapaan Ibu Bapa Berpendidikan Tinggi Dengan Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	143





4.2.3.1	Adakah Terdapat Hubungan Di Antara Gaya Keibubapaan Autoritarian Dengan Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	143
4.2.3.2	Adakah Terdapat Hubungan Di Antara Gaya Keibubapaan Autoritatif Dengan Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	145
4.2.3.3	Adakah Terdapat Hubungan Di Antara Gaya Keibubapaan Permisif Dengan Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	146
4.2.4	Hubungan Di Antara Gaya Keibubapaan Yang Paling Dominan Dengan Domain Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	147
4.2.4.1	Hubungan Di Antara Gaya Keibubapaan Autoritarian Dengan Domain Tahu Mengenal Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	148
4.2.4.2	Hubungan Di Antara Gaya Keibubapaan Autoritarian Dengan Domain Tahu Memahami Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	149
4.2.4.3	Hubungan Di Antara Gaya Keibubapaan Autoritarian Dengan Domain Tahu Mengawal Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	150
4.2.4.4	Hubungan Di Antara Gaya Keibubapaan Autoritarian Dengan Domain Tahu Menggunakan Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	151
4.2.5	Rumusan Keseluruhan bagi Dapatan Kajian	152
4.2.6	Kesimpulan	152



BAB 5 PERBINCANGAN

5.0	Pengenalan	154
5.1	Perbincangan Hasil Kajian	155
5.1.1	Perbincangan Hasil Kajian Mengenai Jenis Gaya Keibubapaan Ibu Bapa Berpendidikan Tinggi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	156
5.1.2	Perbincangan Hasil Kajian Mengenai Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	160
5.1.3	Perbincangan Hasil Kajian Mengenai Hubungan Di Antara Gaya Keibubapaan Ibu Bapa Berpendidikan Tinggi Dengan Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	163
5.1.4	Perbincangan Hasil Kajian Mengenai Hubungan Di Antara Gaya Keibubapaan Ibu Bapa Berpendidikan Tinggi Yang Paling Dominan Dengan Domain Tahap Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak Tadika Di Daerah Petaling Utama, Selangor	164
5.2	Rumusan	166
5.3	Implikasi Kajian	168
5.4	Cadangan	170
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	172
5.6	Kesimpulan	174

RUJUKAN	175
----------------	-----

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Persamaan tiga jenis gaya keibubapaan Charles Fay dan Foster Cline dengan model gaya keibubapaan Diana Baumrind	9
2.1 Model empat cabang kecerdasan emosi Mayer-Salovey	50
2.2 Lima domain kecerdasan emosi Goleman	52
2.3 Perbezaan di antara pertumbuhan dan perkembangan	56
2.4 Teori kecerdasan pelbagai Howard Gardner	69
2.5 Model gaya keibubapaan Maccoby dan Martin	74
3.1 Penentuan populasi dan pemilihan sampel kajian	91
3.2 Jadual penentuan saiz sampel	92
3.3 Senarai tadika yang dipilih di daerah Petaling Utama, Selangor	93
3.4 Pemilihan instrumen kajian	94
3.5 Latar belakang responden	95
3.6 Skala dikotomi	96
3.7 Subset dan item gaya keibubapaan yang telah diadaptasi	97
3.8 Taburan item mengikut <i>Active Parenting Publisher</i>	98
3.9 Instrumen kecerdasan emosi yang telah diadaptasi	100
3.10 Pemarkahan skor min tahap kecerdasan emosi	103
3.11 Taburan item mengikut item model empat cabang kecerdasan Emosi Mayer-Salovey	103
3.12 Penskoran item positif dan negatif	104
3.13 Jadual keputusan analisis nilai kebolehppercayaan instrument kajian	111





3.14	Penganalisaan data deskriptif dan inferensi	112
4.1	Peratusan jantina responden	116
4.2	Peratusan pendidikan ibu bapa responden	116
4.3	Peratusan sektor pekerjaan ibu bapa responden	117
4.4	Taburan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai responden bagi gaya keibubapaan autoritarian	118
4.5	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut tahap gaya keibubapaan autoritarian	121
4.6	Taburan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai responden bagi gaya keibubapaan autoritatif	122
4.7	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut tahap gaya keibubapaan autoritatif	125
4.8	Taburan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai responden bagi gaya keibubapaan permisif	125
4.9	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut tahap gaya keibubapaan permisif	128
4.10	Skor min keseluruhan gaya keibubapaan	129
4.11	Taburan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai tahap kecerdasan emosi bagi tahu mengenal emosi responden	130
4.12	Taburan bilangan dan peratusan tahu mengenal emosi responden	133
4.13	Taburan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai tahap kecerdasan emosi bagi tahu memahami emosi responden	134
4.14	Taburan bilangan dan peratusan tahu memahami emosi responden	136
4.15	Taburan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai tahap kecerdasan emosi bagi tahu mengawal emosi responden	137
4.16	Taburan bilangan dan peratusan tahu mengawal emosi responden	139
4.17	Taburan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai tahap kecerdasan emosi bagi tahu mengguna emosi responden	140





4.18	Taburan bilangan dan peratusan tahu mengguna emosi responden	142
4.19	Taburan min dan sisihan piawai keseluruhan bagi tahap kecerdasan emosi responden	142
4.20	Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan autoritarian dengan tahap kecerdasan emosi responden	144
4.21	Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan autoritatif dengan tahap kecerdasan emosi responden	145
4.22	Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan permisif dengan tahap kecerdasan emosi responden	147
4.23	Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan autoritarian dengan domain tahu mengenal emosi responden	148
4.24	Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan autoritarian dengan domain tahu memahami emosi responden	149
4.25	Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan autoritarian dengan domain tahu mengawal emosi responden	150
4.26	Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan autoritarian dengan domain tahu mengguna emosi responden	151
4.27	Senarai hipotesis yang ditolak atau diterima berdasarkan dapatan kajian	152





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual	34
2.1 Kerangka Teori	42
3.1 Prosedur Keseluruhan Pengumpulan Data Kuantitatif	107



**SENARAI SINGKATAN**

APP	Active Parenting Publisher
BAIS	Bell's Adjustment Inventory Scale
BP1	Berkeley Puppet Interview
CBQ-VSF	Children's Behavior Questionnaire-Very Short Form
DUN	Dewan Undangan Negeri
EISC	The Sullivan Emotional Intelligence Scale for Children
EIS	Emotional Intelligent Scale
EOI	Emotional Overinvolvement
FMSS	Five Minutes Speech Samples
GUS	Growing Up in Scotland
HCTUKM	Hospital Canselor Tunku Mukhriz Universiti Kebangsaan Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KE	Kecerdasan Emosi
NSRM	National Suicide Registry Malaysia
PPQ	Parenting Practices Questionnaire
PSDQ	Parenting Styles and Dimension Questionnaire
PPS	Perception of Parents Scale
PAQ	Parenting Active Questionnaire
RADS	Reynolds Adolescent Depression Scale
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
SEM	Structural Equation Modelling
SCARED	Screen Anxiety Related Emotional Disorders





BAB 1

PENDAHULUAN



1.0 Pengenalan

Ibu bapa abad ke-21 kini, kebanyakannya berlumba-lumba untuk memastikan anak-anak mereka cemerlang dalam bidang akademik. Kehendak tersebut telah menjadikan mereka alpa sehingga mengabaikan keseimbangan dari aspek rohani, jasmani, emosi, dan sosial yang juga sama penting untuk difokuskan selain ketinggian intelek. Lebih-lebih lagi keseimbangan aspek-aspek tersebut diperlukan dalam proses pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak untuk melahirkan generasi yang seimbang (Santrock, 2004; Hamidah, 2013).





Dalam masa yang sama, keseimbangan aspek-aspek tersebut selari dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan generasi yang berpengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeperibadian tinggi serta berkeupayaan dalam menggembelng tenaga supaya mampu mencapai perpaduan, keharmonian, dan kemakmuran masyarakat dan negara (Tobergte & Curtis, 2013).

Selain itu, kecemerlangan seseorang kanak-kanak bukan sahaja dinilai berdasarkan tahap pencapaian dalam kecerdasan intelek semata-mata, malah turut dinilai berdasarkan tahap kecerdasan emosi. Ini kerana, pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak yang merangkumi kesemua aspek fizikal, kognitif, emosi, moral; dan sosial memerlukan tahap kecerdasan emosi yang positif



Walaupun kecerdasan emosi atau *Emotional Intelligence* merupakan satu cabang ilmu psikologi baru (Azhar, 2006), namun kecerdasan emosi wajar diberikan perhatian. Lebih-lebih lagi apabila membincangkan tentang hubungan di antara manusia (Sulaiman, 2013). Tambahan pula, kecerdasan emosi sudah mula mendapat perhatian para pengkaji sejak kebelakangan ini. Ini kerana, kecerdasan emosi telah dijadikan sebagai penanda aras dalam menilai pencapaian kecemerlangan seseorang manusia (Matthews, Roberts, & Zeidner, 2003; Sulaiman, 2013).





Pada awal kemunculannya, kecerdasan emosi diragui oleh majoriti ahli sarjana dan para cendekiawan berkenaan kepentingannya untuk menilai tahap kebijaksanaan seseorang individu. Mereka berpendapat bahawa, tahap kebijaksanaan seseorang individu itu perlu dinilai berdasarkan tahap kecerdasan intelek yang berfokuskan kepada aspek pemikiran atau kognitif, dan bukan dari aspek emosi. Justeru, Goleman (1995) menerusi bukunya yang berjudul *Emotional Intelligence* telah berjaya membuka minda orang ramai terhadap kepentingan kecerdasan emosi dalam kehidupan manusia.

Tambah Goleman (1995), untuk mencapai kecemerlangan, manusia hanya menggunakan 20 peratus sahaja kecerdasan intelek mereka, selebihnya lagi mereka menggunakan kecerdasan emosi iaitu sebanyak 80 peratus. Kenyataan tersebut telah disokong oleh Stanley Greenspan, iaitu penulis buku *The Growth of the Mind* yang telah menjelaskan bahawa otak kanak-kanak memerlukan kecerdasan emosi untuk merangsang kognitif mereka demi membangunkan kecerdasan yang sihat (Couric, 2015).

Dalam masa yang sama, gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa dalam mendidik dan membesarkan anak-anak juga berkait rapat dengan perkembangan emosi kanak-kanak sama ada positif atau negatif (Santrock, 2004; Sulaiman, 2013). Sehubungan dengan itu, suasana keluarga yang mempunyai ikatan emosi dan hubungan komunikasi yang mantap dan penuh kemesraan merupakan asas kepada perkembangan emosi kanak-kanak yang sihat (Bowlby, 1982). Ringkasnya,





ibu bapa memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk dan membina pertautan emosi yang positif di antara mereka dan anak-anak (Sulaiman, 2013).

Sebagai bukti, terdapat kajian-kajian lepas yang telah menunjukkan bahawa gaya keibubapaan mempunyai hubungan dengan kawalan sendiri kanak-kanak (Baumrind, 1966, 1967, 1995), kecekapan sosial dan hubungan interpersonal (Kuczyinski & Kochanska, 1995), hubungan interpersonal yang baik dengan rakan sebaya (Gottman, J. M., DeClaire, Katz, L. F., dan Hooven, C., 1997; Pearson & Rao, 2003), proses sosialisasi (Van den Boom, Dymphna, C., 1994), mengendalikan masalah (Webster-Stratton, C., 1998), optimis (Hasan & Power, 2002; Seligman, 1995), mahir dalam menyelesaikan masalah (Matthews, G., Roberts, R. D., dan Zeidner, M., 2003), dan kebolehan menangani tekanan (Webster-Stratton, C., 1998).



Justeru, gaya keibubapaan memainkan peranan penting dalam memberi impak terhadap pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak, dengan itu, secara tidak langsung turut memberikan impak terhadap kecerdasan emosi mereka (Alegre, 2012).

Oleh sebab itu, gaya keibubapaan telah dikenal pasti sebagai sumber utama yang penting kepada pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, sepanjang proses pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak adalah penting untuk ibu bapa sentiasa memperbaharui gaya keibubapaan mereka untuk disesuaikan dengan keperluan kanak-kanak (Lengua, 2008).

Tambahan pula, ibu bapa merupakan ejen sosialisasi yang paling berpengaruh untuk kanak-kanak sebelum mereka dipengaruhi oleh ejen sosialisasi yang lain (Johari, Zulkifli, & Maharam, 2011). Oleh itu, memiliki kecerdasan emosi yang





positif penting untuk pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak yang meliputi semua aspek fizikal, kognitif, emosi, moral, dan sosial.

Selain itu, kecerdasan emosi yang positif juga berkait rapat dengan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa dalam mendidik dan membesarkan anak-anak (Santrock, 2004). Meskipun begitu, kebanyakan ibu bapa tidak menyedari bahawa sesetengah gaya keibubapaan yang mereka amalkan boleh mendatangkan kesan sama ada positif dan negatif terhadap tahap kecerdasan emosi anak-anak mereka (Alegre, 2011). Walhal, ibu bapa merupakan ejen penting dalam pengurusan emosi kanak-kanak (Shaffer & Kipp, 2010).

Ini menyebabkan, kanak-kanak cenderung untuk berasa tertekan, murung, sunyi, dan diabaikan apabila ibu bapa sering menggunakan komunikasi sehalu, misalnya, ibu bapa memberikan arahan dan mereka tidak boleh mempersoalkannya (Yahav, 2008). Selain itu, kanak-kanak juga akan cenderung kehilangan minat untuk belajar implikasi daripada sikap ibu bapa yang sering menegaskan mereka untuk sentiasa mematuhi arahan dan belajar setiap hari.

Selain itu, sepanjang proses pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak, keperluan mereka juga akan sentiasa berubah, justeru ibu bapa perlu sentiasa peka dan memperbaharui gaya keibubapaan yang diamalkan supaya bersesuaian dengan keperluan kanak-kanak (Steinberg, 2004). Gaya keibubapaan yang berbeza boleh mempengaruhi emosi dalaman dan luaran seseorang kanak-kanak serta bagaimana kanak-kanak itu bertindak balas terhadap gaya keibubapaan tersebut (Lengua, 2008).





Kecerdasan emosi itu lahir daripada susur galur kecerdasan sosial yang memerlukan seseorang kanak-kanak itu untuk memahami dan berhubungan dengan ibu bapa mereka. Ini kerana sebahagian besar proses pertumbuhan dan perkembangan seseorang kanak-kanak adalah bersama ibu dan bapanya. Maka, segala proses perkembangan mental, fizikal, dan sosial kanak-kanak adalah di bawah pengaruh gaya keibubapaan ibu bapa mereka, termasuklah bagaimana atau apakah cara yang digunakan oleh ibu bapa mereka dalam mendidik dan membesarkan mereka (Ghafani, 2007).

Kanak-kanak yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi berupaya meningkatkan proses pembelajarannya dengan baik (Elias, 1991). Sehubungan dengan itu, kanak-kanak akan berkeyakinan untuk mengendalikan segala cabaran yang datang dalam hidup mereka, di samping membantu mereka memelihara dan mengawal emosi dan perasaan yang harmoni dan tenteram dalam diri (Thorndike, 1920).

Justeru, sekiranya, kanak-kanak mendapat didikan, bimbingan, sokongan, panduan, serta kefahaman daripada ibu bapa secukupnya, proses pertumbuhan dan perkembangan mereka dalam menuju alam remaja dan dewasa akan menjadi lebih sempurna, sihat dan berjalan lancar (Erikson, 1968). Sehubungan dengan itu, cara terbaik untuk membangunkan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak adalah ibu bapa perlu mengamalkan gaya keibubapaan yang lebih menjurus ke arah membangunkan kecerdasan emosi, termasuklah dengan menunjukkan kasih sayang, perhatian, mengambil berat, serta kemesraan terhadap kanak-kanak (Bradley & Corwyn, 2007).





1.1 Latar Belakang Kajian

Ketinggian tahap dalam pencapaian pendidikan ibu bapa adalah sangat berkait rapat dengan hasil positif kanak-kanak dalam pelbagai bidang termasuklah kesediaan persekolahan, aktiviti sosial, dan pencapaian akademik (Chandler, K., Nord, C., Lennon, J., & Liu, B., 1999; Databank., 2015; O'Sullivan, C. Y., Lauko, M. A., Grigg, W. S., Qian, J., & Zhang, J., 2003). Lantaran itu, kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa berpendidikan tinggi, memiliki peluang yang besar untuk mempunyai akses kepada bahan sumber manusia dan sosial yang terbaik (Nord, C., & West, J., 2001).



Sehubungan dengan itu, tahap pendidikan ibu bapa boleh mempengaruhi gaya keibubapaan yang mereka amalkan dan juga kesejahteraan hidup anak-anak mereka. Ini disebabkan ibu bapa berpendidikan tinggi cenderung melibatkan diri secara menyeluruh dalam kehidupan kanak-kanak (Rosenfeld, 2008), dengan memperkayakan hidup mereka dengan aktiviti kurikulum tambahan, buku-buku akademik, rangsangan kognitif dan harapan pendidikan yang tinggi.

Meskipun begitu, situasi tersebut tidak memberi ruang untuk kanak-kanak mengalami proses pembelajaran secara try and error kerana segala hal telah di monopoli oleh ibu bapa mereka (Rosemond, 2014). Pada masa yang sama, ibu bapa ini juga cenderung menggunakan teknik disiplin yang negatif, misalnya hukuman secara lisan dan fizikal (Davis-Kean, 2005; Hair, 2007; Hofferth dan Sandberg, 2001; Philips, 2002).





Selepas berlalunya zaman ibu bapa yang sibuk dengan kehidupan kedewasaan yang menyebabkan mereka cenderung kurang pemantauan terhadap kanak-kanak terlalu, kini abad ke-21 telah wujud ibu bapa yang berpendidikan tinggi, yang telah menterbalikkan gaya keibubapaan tersebut kepada gaya keibubapaan yang baru iaitu gaya keibubapaan helikopter (*helicopter parenting*) dan gaya keibubapaan sarjan latihan (*drill sergeant parenting*) yang telah disebut oleh penulis buku *Love and Logic Parenting* iaitu Charles Fay dan Foster Cline (Cline & Fay, 1990, 1993).

Gaya keibubapaan helikopter ini didefinisikan sebagai ibu bapa yang sentiasa membayangi kehidupan kanak-kanak seperti helikopter. Situasi ini menunjukkan ibu bapa terlalu melibatkan diri secara menyeluruh dalam kehidupan kanak-kanak sehingga menggalakkan kekurangan tanggungjawab, mengganggu kebebasan fitrah, dan autonomi kanak-kanak (Sclafani, 2012).

Sementara gaya keibubapaan sarjan latihan pula didefinisikan sebagai ibu bapa yang sentiasa memberi arahan, peraturan dan hukuman kepada kanak-kanak seperti sarjan yang melatih tentera. Situasi ini menunjukkan ibu bapa menginginkan kanak-kanak untuk sentiasa mematuhi peraturan dan mengikut arahan yang diberikan (Sclafani, 2012). Sekiranya kanak-kanak tidak mematuhi arahan dan peraturan maka hukuman akan digunakan sebagai kaedah disiplin (Sulaiman, 2013). Situasi ini menyebabkan kanak-kanak akan kerap berasa gelisah, kecewa dan tidak tenteram, dan dalam masa yang sama menyebabkan gangguan emosi (Maslow, 1970).





Gaya keibubapaan yang disebut oleh Charles Fay dan Foster Cline selari dengan model gaya keibubapaan Baumrind (1966), iaitu, autoritatif, autoritarian, dan permisif. Secara umumnya, gaya keibubapaan ibu bapa berpendidikan tinggi mempunyai persamaan dengan gaya keibubapaan authoritarian dan permisif. Meskipun demikian, ibu bapa ini juga berkemungkinan mengamalkan gaya keibubapaan autoritatif. Ringkasnya, terdapat tiga jenis gaya keibubapaan seperti yang digambarkan seperti dalam Jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1

Persamaan Tiga Jenis Gaya Keibubapaan Charles Fay dan Foster Cline dengan Model Gaya Keibubapaan Diana Baumrind

Tiga Jenis Gaya Keibubapaan			
Diana Baumrind (Parenting Model)	Autoritatif (Authoritative)	Autoritarian (Authoritarian)	Permisif (Permissive)
Huraian	Kawalan dicapai melalui penggunaan tegas tetapi menggunakan hujah yang adil sebagai asas untuk 'bersederhana' dalam membuat rundingan terbuka secara bersama-sama dengan menggunakan pengukuhan positif.	Kawalan ketat dikekalkan melalui peraturan ketat. Peraturan biasanya dikuatkuasakan melalui ugutan dan hukuman.	Menggunakan penaaakulan, manipulasi dan / atau rasuah sebagai cara untuk mencapai beberapa tahap kawalan.
Charles Fay dan Foster Cline (Authors of Love and Logic Parenting Book)	Konsultan (Consultant)	Sarjan Latihan (Drill Sergeant)	Helikopter (Helicopter)
Huraian	Gaya keibubapaan yang memberikan bimbingan dan khidmat rundingan untuk kanak-kanak	Gaya keibubapaan yang sentiasa memberi arahan dan peraturan dalam kehidupan kanak-kanak	Gaya keibubapaan yang sentiasa membayangi hidup kanak-kanak, dan terlalu melindungi mereka dari masalah dunia yang mereka tinggal





Ibu bapa berpendidikan tinggi membesarkan kanak-kanak dalam persekitaran yang tinggi ekspektasi akademik dan pengharapan terhadap hasil prestasi yang tinggi. Selain itu, ibu bapa ini sanggup mengadakan pelbagai aktiviti kurikulum tambahan sehingga memaksa kanak-kanak mengambil bahagian secara aktif (Williams, 1980; Teachman, 1987). Dalam konteks ini, ibu bapa beranggapan bahawa kekerapan campur tangan mereka secara menyeluruh dalam aktiviti akademik, ko-kurikulum dan kehidupan sosial kanak-kanak dapat memastikan keperluan individu kanak-kanak itu dapat dipenuhi dengan sempurna (Bernstein & Triger, 2013).

Sebagai contoh, ibu bapa membantu membuat kerja sekolah, membantu menghafal untuk menghadapi ujian, menjadi perantara konflik antara anak-anak dengan rakan-rakan, serta segala hal yang berlaku kepada anak-anak mereka termasuklah menjadi tempat anak-anak bersembunyi untuk mempertahankan diri daripada masalah (Rosemond, 2014). Ekoran daripada itu, kanak-kanak akan cenderung kehilangan semangat untuk melakukan yang terbaik di tadika demi memenuhi permintaan dan pengharapan tinggi ibu bapa mereka (Sclafani, 2012).

Seterusnya, kanak-kanak hari ini juga dilihat terlalu sibuk dengan persaingan dalam pelbagai jenis kurikulum tambahan. Situasi ini terjadi berpunca daripada ibu bapa yang telah merampas zaman kanak-kanak mereka sehingga mereka ketinggalan pengalaman-pengalaman yang memberi makna dalam kehidupan manusia. Misalnya, pengembaraan dan penerokaan persekitaran, bagaimana menyelesaikan masalah ketika menghadapi rintangan atau risiko sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini, juga bagaimana mengurus kebosanan (Rosenfeld, 2008).





Zaman kanak-kanak abad ke-21 dipenuhi dengan tindakan, arahan dan peraturan, serta berkonsepkan pencapaian dan penggunaan semata-mata. Senario ini tidak menggambarkan hubungan kekeluargaan yang positif di antara ibu bapa dengan anak-anak, malah lebih menggambarkan gaya ketenteraan dan pengeluaran produk berkualiti tinggi (Honore, 2008).

Selain itu, situasi ini juga tidak membawa kepada perapatan yang positif, sebaliknya lebih mendorong kepada perapatan yang negatif. Perapatan yang negatif menyebabkan kanak-kanak berasa dirinya mempunyai aras keyakinan diri yang rendah sekaligus membentuk sifat rendah diri dalam dirinya. Natiujahnya kanak-kanak akan menjadi seorang yang pasif, muram dan tidak mahu bersosialisasi dengan persekitarannya (Bowlby, Ainsworth, & Bretherton, 1992).



Walaupun terdapat kajian lepas yang menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik yang cemerlang kepada kanak-kanak, namun, penglibatan yang tidak sihat dan terlampau menyeluruh (Rosemond, 2014), boleh mendatangkan masalah psikologi sepanjang hayat kepada kanak-kanak. Buktinya, kenyataan ini telah disokong oleh kajian yang telah dijalankan ke atas sekumpulan responden yang dilahirkan pada tahun 1940 sehingga tahun semasa (Cooper, 2015). Implikasinya, kanak-kanak tidak akan mampu untuk membangunkan konsep sendiri untuk meniti alam dewasa kelak.





Tambahan pula, ibu bapa berpendidikan tinggi sering menggunakan pendekatan kawalan, hukuman dan peraturan ketat sebagai kaedah disiplin dan didikan, sehingga tidak mengizinkan kanak-kanak mempersoalkannya (Sulaiman, 2013). Senario ini menunjukkan bahawa ibu bapa ini rendah dalam kebertanggungjawaban walaupun mempunyai permintaan dan pengharapan yang tinggi terhadap pencapaian kanak-kanak. Natiujahnya, kanak-kanak tidak akan tahu bagaimana untuk mengurus masa lapang mereka kerana segala aktiviti selepas sekolah mereka telah diuruskan sepenuhnya oleh ibu bapa (Rosemond, 2014).

Selain itu, hukuman terhadap kanak-kanak boleh meninggalkan kesan jangka masa panjang terhadap emosi mereka (Riesel, Weinberg, Endrass, Kathmann, Hajcak, 2012). Jika dilihat dari segi hukuman yang digunakan ibu bapa berpendidikan tinggi sebagai kaedah mendisiplinkan kanak-kanak, adalah cenderung berbentuk komunikasi dan tingkah laku, iaitu secara lisan dan fizikal yang boleh mendatangkan kesakitan dan memalukan sehingga meninggalkan kesan yang mendalam terhadap emosi dan perasaan kanak-kanak (Sulaiman, 2013). Implikasinya kanak-kanak yang sering takut dengan tingkah laku ibu bapa yang kerap menghukum mereka, berpotensi untuk bertingkah laku agresif. Hal ini berpunca daripada imitasi kanak-kanak terhadap tingkah laku ibu bapa mereka secara tidak langsung dan mempraktikkannya terhadap orang lain (Brooker & Buss, 2014).





Jika dilihat dari sudut lain, ibu bapa berpendidikan tinggi ini percaya bahawa dengan memastikan kanak-kanak sentiasa sibuk dan menghukum sekiranya melanggar arahan dan peraturan atau membuat kesalahan bertujuan untuk mengelakkan kanak-kanak ini berkembang menjadi seorang yang lemah (Honore, 2008). Sebaliknya, hukuman itu sendiri sebenarnya telah merenggangkan hubungan ibu bapa dengan anak-anak.

Lebih-lebih lagi hukuman yang dilaksanakan dibuat tanpa diberikan sebab dan alasan yang boleh difahami kanak-kanak. Begitu juga dengan menjadikan kanak-kanak sentiasa sibuk, situasi ini turut memberi kesan yang negatif terhadap hubungan ibu bapa dengan anak-anak kerana kurangnya komunikasi dua hala dan kemesraan (Palmer, 2007).



Tambahan pula, perkembangan emosi merupakan perkembangan asas yang akan dialami oleh setiap kanak-kanak di samping perkembangan fizikal dan kognitif (Berk, 2006). Implikasi daripada peraturan yang ketat supaya kanak-kanak mematuhi dan mendengar arahan tanpa menjelaskan mengapa peraturan dan arahan tersebut dibuat, menyebabkan kanak-kanak kerap kemurungan dan terdorong untuk bertingkah laku agresif (Abu, 2010).

Situasi ini berlaku kerana kanak-kanak tidak memahami perbezaan antara menghukum dan membenci. Ekoran daripada itu, mereka melihat hukuman yang dilakukan oleh ibu bapa sebagai benci dan tidak menyukai diri mereka. Senario ini juga menyebabkan kanak-kanak merasakan diri mereka tidak disayangi sekaligus mengganggu emosi dan perasaan mereka (Honore, 2008; Palmer, 2007).





Tambahan pula, kajian telah mendapati bahawa emosi kanak-kanak boleh dipengaruhi oleh emosi ibu bapa yang menghukum mereka (Eisenberg, N., Fabes, R. A., Shepard, S. A., Guthrie, I. K., Murphy, B. C., & Reiser, M., 1999). Sehubungan dengan itu, apabila seseorang kanak-kanak itu tidak berupaya mengawal emosi, mereka akan terdorong untuk bersikap agresif terhadap orang lain (Fabes, R. A., Eisenberg, N., Miller, P. A., 1990; Eisenberg, N., Fabes, R. A., Murphy, B., Karbon, M., Smith, M., & Maszk, P., 1996).

Meninjau dari skop yang lebih luas, kanak-kanak memerlukan proses interaksi sosial dan adaptasi diri dalam persekitaran kerana proses ini mempunyai hubungan dengan kecerdasan emosi mereka. Hal ini boleh dilihat menerusi proses interaksi sosial, yang membantu menyokong pembinaan pemikiran yang kompleks dan menyumbang kepada pencapaian emosi kanak-kanak (Vygotsky, 1934, 1986).

Seperkara lagi, peringkat usia tadika, kanak-kanak masih belum mampu berfikir secara abstrak, oleh itu, mereka perlu mengadaptasi menerusi proses asimilasi dan akomodasi yang memerlukan interaksi dengan persekitaran untuk memahami emosi diri dan emosi orang lain (Piaget, 1974). Oleh sebab itu, apabila ibu bapa melibatkan diri dalam segala hal yang berlaku kepada kanak-kanak, mereka tidak akan mampu untuk mengembangkan emosi mereka. Masalah ini akan menjejaskan kemahiran sosial dan kemahiran mengurus emosi kerana persekitaran itu sendiri tidak membantu proses kemahiran tersebut (Rosemond, 2014).





Situasi ini berlaku disebabkan oleh kebimbangan yang membelenggu ibu bapa ini berkenaan keselamatan dan yang paling utama pencapaian kanak-kanak (Hoeve, M., Dubas, J. S., Eichelsheim, V. I., van der Laan, P. H., Smeenk, W., & Gerris, J. R. M., 2009). Sebagai contoh, ibu bapa yang sering menjadi perantara konflik di antara kanak-kanak dengan rakan sebaya akan menyebabkan mereka tidak tahu bagaimana untuk menyelesaikan konflik sendiri di kemudian hari. Natiujahnya, kanak-kanak akan menjadi selesa berkurung diri di dalam rumah berbanding berada di luar rumah kerana tidak mahu terlibat dengan masalah (Rosemond, 2014).

Dari sudut kaca mata yang lain, kanak-kanak merupakan saintis semulajadi, kerana apabila mereka lahir sahaja ke dunia ini mereka telah menggunakan konsep sains untuk mempelajari rahsia disebalik persekitaran dunia mereka seperti hipotesis, ujian, dan kesimpulan sepanjang kehidupannya. Ringkasnya, konsep tersebut telah membantu kanak-kanak untuk memenuhi perasaan ingin tahu mereka.

Tambahan pula, perasaan ingin tahu sudah menjadi suatu kelaziman dalam dunia awal kanak-kanak (Engel, 2011). Ekoran daripada ibu bapa yang bersifat terlalu melibatkan diri sehingga membayangi dan mengawal hidup kanak-kanak (Baumrind, 1966, 1971), telah melanggar fitrah semulajadi kanak-kanak tersebut, sekaligus menjadikan hidup mereka terkongkong dan dibelenggu tekanan kesan daripada tidak dapat memenuhi kepuasan perasaan ingin tahu mereka (Pezzella, 2010).





Tekanan juga sering dikaitkan dengan ibu bapa berpendidikan tinggi dalam proses mendidik dan membesarkan kanak-kanak. Fenomena tekanan ibu bapa (*The Pressured Parent Phenomenon*) yang disebut oleh Wendy S. Grolnick dan Kathy Seal menerusi buku mereka *Pressured Parents, Stressed-out Kids* (Grolnick & Seal, 2008), menyebabkan ibu bapa terdesak untuk mencari jalan penyelesaian sehingga terpaksa menggunakan jalan penyelesaian yang sama iaitu dengan melibatkan diri secara menyeluruh sehingga tidak mementingkan sama ada penyelesaian tersebut merupakan idea yang baik ataupun tidak baik kepada kanak-kanak (Grolnick & Seal, 2008).

Lebih-lebih lagi, memastikan kanak-kanak sentiasa sibuk dan terlalu menjaga keselamatan sudah menjadi kelaziman bagi golongan ibu bapa berpendidikan tinggi di abad ke-21 ini, kesan daripada kepelbagaian kebimbangan ibu bapa (Grolnick & Seal, 2008). Hal ini telah menyebabkan keselamatan kanak-kanak menjadi semakin ketat sehingga mengabaikan hak autonomi kanak-kanak sepenuhnya. Bukti, kanak-kanak hari ini bermain di bawah pengawasan ibu bapa sendiri, kakitangan yang terlatih atau kakitangan peribadi yang diupah oleh ibu bapa (Kapoor & Kapoor, 2016).

Meninjau dari sudut lain, sesetengah para pengkaji percaya bahawa penglibatan menyeluruh ibu bapa dalam kehidupan kanak-kanak adalah berkait rapat dengan tekanan, dan bukan daripada kurang kasih sayang dan perhatian terhadap perkembangan kanak-kanak (Sclafani, 2012).





Ini kerana kebanyakan ibu bapa berpendidikan tinggi mempunyai pelbagai tekanan yang tidak terurus dalam hidup mereka (Grolnick & Seal, 2008) yang telah mengganggu kemampuan dan peluang mereka untuk berhubungan positif dengan kanak-kanak. Sekiranya tekanan tersebut datang mendadak, ibu bapa ini akan cenderung untuk berhubungan secara negatif terhadap kanak-kanak (Rosenfeld, 2008).

Tambahan pula gaya keibubapaan yang diamalkan tidak diambil peduli oleh ibu bapa berpendidikan tinggi ini, kerana persaingan dalam pencapaian adalah lebih penting kepada mereka (Okagaki & French, 1978). Lebih-lebih lagi, masyarakat abad ke-21 kini terlalu memandang tinggi kepada latar belakang pendidikan ibu bapa. Senario ini disebabkan latar belakang pendidikan ibu bapa telah dianggap mereka sebagai kuasa motivasi yang memandu arah jalan untuk masa depan kanak-kanak. Pendek kata, latar belakang pendidikan keluarga yang baik akan mempengaruhi masa depan pendidikan kanak-kanak (Good & Brophy, 1997).

Kenyataan tersebut telah disokong oleh kajian lepas yang menunjukkan bahawa ibu bapa berpendidikan tinggi mampu mempersiapkan persekitaran akademik yang terbaik dan sempurna untuk anak-anak belajar (Behrman & Knowles, 1999; Deschenes, 2007). Dalam masa yang sama, kanak-kanak yang memiliki ibu bapa berpendidikan tinggi cenderung untuk memperoleh pencapaian akademik yang tinggi (Muhammad, 2015). Fenomena tersebut telah menggalakkan persaingan di antara ibu bapa dalam mendidik dan membesarkan anak-anak.





Di samping itu, persaingan dalam mendidik kanak-kanak telah mewujudkan perasaan ego dalam diri ibu bapa berpendidikan tinggi ini. Hal ini berpunca daripada ibu bapa yang tidak mahu dilabel masyarakat sebagai tidak pandai mendidik anak-anak (Kim, 2006). Penglibatan ego dalam keibubapaan mendorong ibu bapa bersifat mengawal, dan mengarah (Grolnick, 2002) sehingga mengganggu emosi dan perasaan kanak-kanak (Ryan, 1982).

Sehubungan dengan itu, apabila ibu bapa terlibat dengan penglibatan ego dalam pencapaian kanak-kanak, maka perasaan dan kepuasan dalam diri mereka secara tidak langsung bergantung sepenuhnya kepada prestasi pencapaian kanak-kanak tersebut (Grolnick, 2002). Implikasi daripada penglibatan ego ibu bapa ini, menyebabkan kanak-kanak terhalang untuk memenuhi fitrah semulajadi mereka iaitu kebebasan untuk bermain, meneroka, berinisiatif, dan bersosialisasi. Hal ini turut berpunca daripada kebimbangan ibu bapa yang berlebih-lebihan terhadap perubahan tingkah laku, kemalasan, kelalaian, dan keperibadian kanak-kanak yang akan terjejas sekiranya tidak dikawal dengan tegas (Sarah, 2011).

Walaupun bagaimanapun, kawalan, arahan dan peraturan yang ketat tidak menggalakkan semangat dan kemahuan kanak-kanak untuk belajar, berkelakuan baik dan mampu menyelesaikan masalah dengan berkesan. Lantaran itu, kanak-kanak tidak berpeluang memperoleh pengalaman untuk membangunkan kecerdasan emosi mereka (Sulaiman, 2013). Tambahan pula, bermain, meneroka, berinisiatif, dan bersosial penting untuk membuka pengalaman untuk kanak-kanak mengenal dan mengurus





emosi dengan baik (Lipoff, 2011). Natijahnya, emosi kanak-kanak terganggu akibat dibelenggu tertekan dan kemurungan (Abu, 2010).

Dalam masa yang sama, ibu bapa berpendidikan tinggi amat mementingkan reputasi dalam mendidik anak-anak. Oleh sebab itu, mereka tidak akan berunding dengan anak-anak dalam membuat sebarang keputusan dan tindakan (Badzis, 2003). Sebagai contoh keputusan dalam pemilihan tadika untuk kanak-kanak (Alegre, 2011; Baumrind, 1971; Grolnick & Pomerantz, 2009; Leman, 2005). Buktinya, kajian telah menunjukkan, sembilan daripada 30 orang ibu bapa memilih tadika berdasarkan reputasi dan pencapaian akademik yang tinggi (Badzis, 2003).

Sementara itu, kekerapan mendesak kanak-kanak untuk memenuhi permintaan dan harapan ibu bapa yang tinggi menyebabkan kanak-kanak dibelenggu tekanan yang melampau untuk melaksanakannya (Sulaiman, 2013). Situasi ini menunjukkan sikap ibu bapa berpendidikan tinggi yang terlalu mementingkan kesempurnaan, sedangkan kegagalan juga merupakan satu proses belajar. Kanak-kanak dalam masa yang sama perlu diberikan kefahaman bahawa kegagalan juga adalah proses belajar, bukan hanya kesempurnaan dalam kejayaan semata-mata (Badzis, 2003).

Namun, apabila majoriti keputusan telah dimonopoli oleh ibu bapa (Fletcher, A., Steinberg, L., & Williams-Wheeler, M., 2004), maka, kanak-kanak tidak akan berpeluang untuk belajar membuat keputusan mereka sendiri, kerana persekitaran tidak membenarkan mereka belajar membuat keputusan sendiri. Lebih-lebih lagi, kanak-kanak daripada golongan ibu bapa ini cenderung didisplinkan dengan hukuman





fizikal dan emosi yang keras (Marsiglia, C. S. Walczyk, J. J., Buboltz, W. C., & Griffith-Ross, D. A., 2007).

Ekoran daripada itu, kanak-kanak akan tidak bermotivasi, berserah, sentiasa mengharapkan pertolongan orang lain, sering rasa rendah diri, takut, tidak bermaya, takut dikritik oleh orang lain dan suka melihat kekurangan diri sendiri yang menjejaskan emosi dan perasaan mereka, implikasi daripada kehendak dan keperluan mereka yang tidak dapat dipenuhi (Maslow, 1970; Suldo & Huebner, 2004).

Meninjau kepada skop yang lebih luas, ibu bapa berpendidikan tinggi sering berpendapat bahawa pendidikan awal kanak-kanak adalah sesuatu yang formal dan khusus terhadap akademik, di samping mentakrifkan pendidikan awal kanak-kanak sebagai satu kemahiran akademik tertentu yang sepatutnya dipelajari di tadika (Karshen, 2003). Buktinya, kajian lepas telah menunjukkan ibu bapa menghantar anak-anak ke tadika atas tujuan untuk belajar membaca, mengenal huruf, nombor dan lain-lain subjek akademik (Badzis, 2003).

Situasi tersebut menunjukkan ibu bapa berpendidikan tinggi ini mementingkan pencapaian intelek melebihi pencapaian emosi kanak-kanak. Sehingga kini, jarang didapati kajian penyelidikan berkenaan hubungan gaya keibubapaan dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak untuk peringkat usia tadika (Farell, 2015), lebih-lebih lagi gaya keibubapaan golongan ibu bapa berpendidikan tinggi. Namun, terdapat beberapa kajian yang telah dibuat yang mempunyai persamaan dengan kajian ini.





1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Secara umumnya, mempunyai latar belakang pendidikan terutamanya pendidikan tinggi menunjukkan bahawa seseorang itu memiliki sikap ego (Grolnick, 2002), sering tertekan dan kebimbangan (Grolnick & Seal, 2008), mementingkan reputasi, pencapaian akademik, kesempurnaan (Badzis, 2003), berdaya saing (Rosendfeld, 2008), dan sering membuat peraturan serta melibatkan diri secara aktif dan menyeluruh (Sclafani, 2012) dalam segala perkara demi mencapai objektif diri yang telah ditetapkan dalam fikiran.

Kenyataan tersebut menunjukkan sikap seseorang yang mempunyai latar belakang pendidikan tinggi adalah sinonim dengan salah satu gaya keibubapaan daripada model gaya keibubapaan Baumrind iaitu autoritarian. Oleh itu, ibu bapa yang mempunyai latar belakang pendidikan tinggi boleh dikatakan sebagai mengamalkan gaya keibubapaan autoritarian (Sclafani, 2012; Honore, 2008; Grolnick & Seal, 2008). Meskipun begitu, pengkaji beranggapan bahawa, ibu bapa berpendidikan tinggi berkemungkinan juga mengamalkan gaya keibubapaan autoritatif ataupun permisif.

Memandangkan tempoh pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak sangat drastik, adalah suatu keperluan untuk melihat khususnya hubungan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa yang berpendidikan tinggi terhadap pembangunan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak di peringkat usia tadika terutamanya. Ini kerana, kanak-kanak sepatutnya menjadi kanak-kanak, dan tidak sepatutnya menjadi terlalu





sempurna, serba boleh dalam semua perkara ataupun dilayan dan dianggap seperti orang dewasa (Rosenfeld, 2008).

Kajian lepas telah membuktikan bahawa kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang mempunyai tekanan dan kebimbangan, menunjukkan kegagalan dalam mengawal emosi (Cione, 2015). Tekanan dan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa berpendidikan tinggi abad ini dapat dilihat apabila mereka memaksa anak-anak mereka belajar sepanjang masa demi untuk menjadikan anak-anak mereka anak yang paling terpadai di awal usia (Pama, 2017). Hal ini dikukuhkan lagi dengan kajian lepas yang menunjukkan ibu bapa yang dilanda tekanan dan kebimbangan mempunyai hubungan yang positif dengan gaya keibubapaan negatif yang mereka amalkan (Cione, 2015).



Kegagalan dalam mengawal emosi akan menyebabkan seseorang itu bertindak di luar kawalan seperti membunuh diri, lari daripada rumah dan sebagainya. Menurut pakar psikiatri Hospital Canselor Tunku Mukhriz Universiti Kebangsaan Malaysia (HCTUKM), Dr. Hazli Zakaria, *trend* bunuh diri di Malaysia berada di tahap yang membimbangkan (Hidayatul, 2016). Bunuh diri adalah tingkah laku spontan yang dilakukan apabila seseorang individu itu merasakan diri sudah berputus asa dan beranggapan bahawa kehidupan tidak lagi berguna. Bagi individu seperti ini, kematian adalah satu-satunya jalan penyelesaian. Ini adalah salah satu kesan negatif daripada kegagalan dalam mengurus emosi.





Sementara itu, melihat kepada rekod daripada National Suicide Registry Malaysia (NSRM) mendapati, sekurang-kurangnya dua orang membunuh diri setiap hari dengan kadar purata 60 orang sebulan (Utusan, 2016). Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd, Dewan Undangan Negeri (DUN) berkata, sebanyak 170 kes penderaan emosi direkodkan sepanjang tahun 2015 hingga tahun 2016. Tambah beliau lagi, faktor penyumbang kepada terjadinya penderaan emosi tersebut adalah akibat daripada pengabaian, serta kecuaihan ibu bapa. Beliau juga turut menegaskan bahawa terdapat faktor lain yang menyumbang kepada tindakan ibu bapa berlaku sedemikian, misalnya, kos sara hidup yang semakin meningkat dan tekanan di tempat kerja, serta persaingan yang tidak sihat. Faktor-faktor ini mewujudkan tekanan dalam diri ibu bapa yang memaksa mereka gagal untuk mengamalkan gaya keibubapaan yang baik. Natiujahnya, mereka sering menggunakan kekerasan, bertindak ganas dan mengabaikan keperluan dan kehendak fizikal dan emosi anak-anak (Hidayatul, 2016).

Oleh sebab itu, penglibatan ibu bapa berpendidikan tinggi secara menyeluruh dalam kehidupan kanak-kanak terutamanya dalam bidang akademik, dilihat sebagai *trend* yang berbahaya (Honore, 2008). Ini kerana, golongan ibu bapa ini beranggapan bahawa dengan melibatkan kanak-kanak dalam pelbagai aktiviti adalah bertujuan untuk mengelakkan risiko kebosanan (Bernstein & Triger, 2010).

Sebaliknya, kebosanan merupakan pemangkin kepada kreativiti yang boleh melatih kanak-kanak untuk berfikir di luar kotak menerusi imaginasi (Parvanno, 1990). Dalam masa yang sama, kebosanan juga mampu menjana imaginasi kanak-kanak untuk berinisiatif (Erikson, 1958), namun begitu, jadual akademik yang tepu





tidak memberi peluang dan ruang untuk kanak-kanak berimaginasi serta melakukan keupayaan semulajadi untuk memuaskan perasaan ingin tahu mereka (Parvanno, 1990).

Sesetengah ibu bapa berpendidikan tinggi ini sedar bahawa mereka terlalu memampatkan jadual akademik anak-anak, namun mereka tetap memilih untuk tidak mengambil peduli kerana bimbang boleh memberi ancaman kepada jaminan masa depan anak-anak mereka (Grolnick, 2002). Ini kerana mereka ini sebenarnya tidak yakin dengan keupayaan diri mereka (Spock, 1946).

Oleh itu, mereka sering merujuk pelbagai pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak bagi meminta nasihat dan cara yang boleh diaplikasikan dalam mendidik dan membesarkan anak-anak untuk memastikan anak-anak mereka bijak, serba boleh dalam semua perkara dan cemerlang dalam bidang akademik (Griffin, 2001). Hal ini disebut sebagai Sindrom *Hurried-Child* yang telah dikenal pasti oleh Dr. David Elkind untuk menggambarkan fenomena ibu bapa yang memberikan tekanan akademik terlalu awal di luar kemampuan perkembangan semula jadi kepada anak-anak kecil (PAMA, 2017). Sebanyak, 1,531 kes berkaitan kegagalan ibu bapa menjaga dan mengasuh kanak-kanak telah dilaporkan di Malaysia sehingga Mac 2016 (Utusan, 2017).

Gaya keibubapaan yang negatif dikatakan boleh mendatangkan kerosakan kepada kemampuan atau kesediaan kanak-kanak untuk menerima pembelajaran sekiranya mereka didedahkan dengan tekanan akademik di awal usia (Sampson & Briggs, 1981). Oleh sebab itu, Benjamin Spock (1946), menerusi bukunya, *Baby and*





Child Care, menasihatkan ibu bapa supaya percaya kepada diri dan naluri mereka sendiri, kerana hanya mereka sahaja yang lebih mengenali kemampuan dan kebolehan anak-anak mereka. Tambah beliau lagi, ibu bapa tidak boleh bergantung sepenuhnya dengan khidmat pakar semata-mata dalam proses mendidik dan membesarkan anak-anak.

Ini kerana, tidak semua kaedah yang dinasihatkan atau dicadangkan oleh pakar boleh diaplikasikan kepada semua kanak-kanak. Implikasinya, ibu bapa akan dibelenggu kebimbangan dan tekanan, kerana setiap kali rutin bersama pakar, ibu bapa akan diberi bayangan dan gambaran bahawa setiap keputusan yang dibuat untuk anak-anak berisiko dan boleh mempengaruhi masa depan mereka (Spock, 1946; Grolnick & Seal, 2008).



yang berpotensi tinggi untuk memantapkan kebolehan serta meningkatkan kecemerlangan akademik kanak-kanak (Badzis, 2003). Senario ini menunjukkan bahawa ibu bapa berpendidikan tinggi memilih tadika sedemikian dengan harapan anak-anak mereka akan mendapat pendidikan yang terbaik dan mempunyai persiapan yang kukuh sebelum memasuki alam persekolahan formal kelak (Bernstein & Triger, 2010).

Kenyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa fokus ibu bapa berpendidikan tinggi ini lebih kepada pencapaian dalam kecerdasan intelek berbanding dengan pencapaian dalam kecerdasan emosi. Walhal, untuk memperoleh kecerdasan intelek yang berkualiti, kecerdasan emosi memainkan peranan penting dan boleh dijadikan sebagai wahana (Hamzah, 2006). Ringkasnya, memiliki tahap kecerdasan emosi yang





tinggi akan mencerminkan kecerdasan intelek yang baik. Ini bermaksud, kecemerlangan seseorang individu itu bergantung kepada pengurusan emosi yang berkesan (Goleman, 1995).

Meninjau daripada skop yang lebih luas, dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa, sembilan daripada 30 orang ibu bapa mengutamakan reputasi dan pencapaian akademik dalam proses memilih tadika untuk anak-anak mereka (Badzis, 2003). Sebaliknya, hanya dua daripada 30 orang ibu bapa yang mengutamakan kebahagiaan dan keseronokkan kanak-kanak dalam proses memilih tadika untuk anak-anak mereka (Badzis, 2003). Situasi tersebut jelas menunjukkan bahawa ibu bapa berpendidikan tinggi ini tidak menitikberatkan emosi dan perasaan anak-anak tetapi mengutamakan kehendak mereka kerana mereka yang berhak menentukan masa depan anak-anak



Lebih-lebih lagi, ibu bapa golongan ini turut mementingkan standard akibat sifat ego untuk menjaga imej dan latar belakang pendidikan tinggi mereka yang boleh dipersoalkan masyarakat sekiranya pencapaian anak-anak mereka terjejas (Palmer, 2007). Farell (2015) menyebut dalam kajian beliau bahawa majoriti kajian literatur telah menyokong bahawa perlunya ada hubungan yang positif di antara gaya keibubapaan dengan kecerdasan emosi kanak-kanak.

Sungguhpun begitu, beliau mengatakan bahawa jarang didapati adanya penyelidikan tentang hubungan gaya keibubapaan dengan tahap kecerdasan emosi yang khusus untuk peringkat kanak-kanak usia tadika. Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin meluaskan lagi kajian yang telah dijalankan oleh beliau dengan melihat





kepada hubungan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa yang mempunyai latar belakang pendidikan tinggi terhadap tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di negeri Selangor.

1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk membuktikan bahawa gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa yang berpendidikan tinggi mempunyai hubungan dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.

Secara khususnya, objektif kajian yang dikenal pasti bagi menjalankan kajian ini adalah seperti berikut :-



- a. Menenal pasti gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa yang berpendidikan tinggi di daerah Petaling Utama, Selangor.
 - i. Menenal pasti gaya keibubapaan autoritarian ibu bapa berpendidikan tinggi di daerah Petaling Utama, Selangor.
 - ii. Menenal pasti gaya keibubapaan autoritatif ibu bapa berpendidikan tinggi di daerah Petaling Utama, Selangor.
 - iii. Menenal pasti gaya keibubapaan permisif ibu bapa berpendidikan tinggi di daerah Petaling Utama Selangor.





b. Mengukur tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.

i. Mengukur tahap tahu mengenal emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.

ii. Mengukur tahap tahu memahami emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.

iii. Mengukur tahap tahu mengawal emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.

iv. Mengukur tahap tahu mengguna emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.

c. Mengenal pasti hubungan di antara gaya keibubapaan ibu bapa berpendidikan tinggi dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.

i. Mengenal pasti hubungan gaya keibubapaan autoritarian dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.





- ii. Mengenal pasti hubungan gaya keibubapaan autoritatif dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.
- iii. Mengenal pasti hubungan gaya keibubapaan permisif dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.

1.4 Persoalan Kajian



Persoalan kajian adalah berdasarkan objektif kajian yang telah dikenal pasti dalam kajian ini iaitu :-

- a. Apakah gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa yang berpendidikan tinggi di daerah Petaling Utama, Selangor.
- b. Apakah tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.
 - i. Apakah tahap tahu mengenal emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.





- ii. Apakah tahap tahu memahami emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.
 - iii. Apakah tahap tahu mengawal emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.
 - iv. Apakah tahap tahu mengguna emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.
- c. Adakah terdapat hubungan di antara gaya keibubapaan ibu bapa berpendidikan tinggi dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.



- i. Adakah terdapat hubungan di antara gaya keibubapaan authoritarian dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.
- ii. Adakah terdapat hubungan di antara gaya keibubapaan autoritatif dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.
- iii. Adakah terdapat hubungan di antara gaya keibubapaan permisif dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.





1.5 Hipotesis Kajian

Untuk persoalan kajian ci, cii, dan ciii, hipotesis kajian adalah seperti berikut :-

Hipotesis nol untuk persoalan kajian c :-

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan ibu bapa berpendidikan tinggi dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.

i. Hipotesis nol untuk persoalan kajian c i :-



Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan autoritarian dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.

ii. Hipotesis nol untuk persoalan kajian c ii :-

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan autoritatif dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di Petaling Utama, Selangor.





iii. Hipotesis no untuk persoalan kajian c iii :-

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan permisif dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika di daerah Petaling Utama, Selangor.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat membantu para ibu bapa memahami tahap kecerdasan emosi dalam kalangan kanak-kanak tadika. Tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika dikenal pasti dengan menggunakan penilaian pengukuran domain kecerdasan emosi berdasarkan Model Empat Cabang Kecerdasan Emosi yang telah diperincikan oleh Mayer Salovey (1997).

Selain itu, hasil kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain yang menjalankan kajian yang berkaitan dan seterusnya membantu kanak-kanak tadika meningkatkan tahap kecerdasan emosi mereka. Di samping itu, kajian ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada para ibu bapa mengenai tahap kecerdasan emosi anak-anak mereka.





Dengan maklumat yang diperolehi ini juga diharapkan dapat membantu para ibu bapa untuk merefleksi diri mengenai gaya keibubapaan yang diamalkan demi melahirkan anak-anak yang berakhlak, berkepribadian tinggi serta mampu mengurus emosi dengan berkesan. Ibu bapa juga boleh menggunakan maklumat yang ada bagi melihat kembali kesesuaian sama ada gaya keibubapaan yang diamalkan selama ini mampu memberi kebahagiaan, memahami, mengenali serta membimbing anak mahupun tidak.


Justeru, diharapkan dapatan kajian ini dapat melahirkan masyarakat yang harmoni, sihat, dan sejahtera dengan persekitaran sosial yang selamat dan aman di mana segala masalah tingkah laku, pengurusan emosi, mahupun masalah pencapaian yang dilakukan oleh kanak-kanak tadika dapat diatasi menerusi pengamalan gaya keibubapaan yang positif dan berkesan.



1.7 Kerangka Konsep Kajian

Berdasarkan Rajah 1.1, menunjukkan kerangka konsep dalam kajian ini. Kajian yang dijalankan ini melibatkan dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah besandar dan pembolehubah tidak bersandar. Pembolehubah tidak bersandar ialah gaya keibubapaan ibu bapa yang berpendidikan tinggi sementara pembolehubah besandar ialah kecerdasan emosi kanak-kanak tadika yang merupakan output kajian.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual. Diadaptasi dari Sulaiman, 2013

Menerusi kajian yang dijalankan ini, pengkaji ingin mengenal pasti gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa yang berpendidikan tinggi, sama ada autoritatif, authoritarian, mahupun permisif. Setiap gaya keibubapaan yang telah dikenal pasti akan ditentukan yang mana paling dominan. Seterusnya pengkaji ingin melihat implikasi gaya keibubapaan tersebut terhadap tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika.

Komponen kecerdasan emosi yang ingin dikenal pasti oleh pengkaji adalah berdasarkan Model Empat Cabang Kecerdasan Emosi Mayer dan Salovey (1997). Setelah mengenal pasti gaya keibubapaan ibu bapa yang berpendidikan tinggi dan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak, pengkaji juga akan melihat sama ada wujud



atau tidak hubungan di antara pembolehubah tidak bersandar (gaya keibubapaan ibu bapa yang berpendidikan tinggi) yang terlibat dengan pembolehubah bersandar (kecerdasan emosi kanak-kanak tadika).

1.8 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan ini tertumpu kepada tahap kecerdasan emosi kanak-kanak di daerah Petaling Utama, Selangor. Pengkaji mengenal pasti satu pembolehubah tidak bersandar yang mungkin mempunyai hubungan dengan tahap kecerdasan emosi kanak-kanak tadika. Pembolehubah tidak bersandar yang terlibat ialah gaya keibubapaan.



Instrumen yang akan digunakan dalam kajian ini melibatkan borang soal selidik. Borang soal selidik tersebut mengandungi tiga bahagian yang meliputi latar belakang responden, gaya keibubapaan ibu bapa responden, dan tahap kecerdasan emosi responden. Tujuan pemilihan penggunaan borang soal selidik adalah kerana mudah untuk dijawab oleh responden.

Kajian ini hanya melibatkan kanak-kanak di tiga buah tadika swasta di daerah Petaling Utama, Selangor. Sampel kajian pula telah dipilih secara bertujuan iaitu kanak-kanak tadika berusia enam tahun yang mempunyai ibu atau bapa berpendidikan tinggi. Daerah Petaling Utama, Selangor dipilih sebagai kawasan kajian kerana ini adalah batasan kajian ini.





1.9 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji tidak mampu untuk mengkaji sesuatu yang besar secara lebih khusus, oleh itu pengkaji membataskan kajian ini supaya dapatan kajian adalah memuaskan. Dalam kajian ini pengkaji hanya membataskan lokasi kajian hanya pada satu daerah sahaja di Selangor iaitu daerah Petaling Utama. Selain itu, pengkaji juga membataskan hanya tiga buah tadika sahaja yang dipilih di daerah Petaling Utama sebagai tempat untuk mengumpul data kajian.

1.10 Definisi Istilah dan Definisi Operasi



Berikut adalah beberapa definisi operasional dan huraian konsep bagi istilah-istilah yang sering di gunakan dalam penulisan kajian ini dan juga ditakrif berdasarkan beberapa sumber yang berkaitan :-

i. Gaya keibubapaan

Gaya keibubapaan adalah kaedah dan tindakan yang diamalkan oleh ibu bapa dalam usaha mendidik dan membesarkan anak-anak mereka (Baumrind, 1971). Ringkasnya, gaya keibubapaan adalah cara ibu bapa mengasuh dan mendisplinkan anak-anak. Dalam konteks kajian ini, gaya keibubapaan ibu bapa berpendidikan tinggi dirujuk kepada tiga jenis gaya keibubapaan seperti yang telah dikemukakan dalam Model





Gaya Keibubapaan Baumrind (1966) iaitu sama ada autoritatif, autoritarian, atau permisif.

ii. Autoritatif

Gaya keibubapaan autoritatif bersifat tegas tetapi penyayang dan konsisten. Dalam kata lain, ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan ini, akan menjelaskan dan menerangkan sebab-sebab ke atas setiap tindakan dan peraturan yang diadakan (Baumrind, 1966). Walaupun mempunyai pengharapan yang tinggi terhadap pencapaian anak-anak, dalam masa yang sama, ibu bapa ini sentiasa memberi sokongan dan bantuan yang positif kepada anak-anak seperti seorang



iii. Autoritarian

Gaya keibubapaan authoritarian bersifat mengarah dan mementingkan kepatuhan dan sering menghukum (Baumrind, 1966). Dalam kata lain, ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan ini kurang mesra, sering mengarah, dan tidak menggalakan komunikasi dua hala dalam perbincangan untuk mencapai persetujuan bersama. Pendek kata, kanak-kanak tidak dibenarkan mempersoalkan sebarang peraturan dan tindakan yang diadakan.





iv. Permisif

Gaya keibubapaan permisif bersifat terlalu pasif dan berlembut dalam mendidik anak-anak (Baumrind, 1966). Dalam kata lain, ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan ini memberikan anak-anak kebebasan sepenuhnya dan mereka tidak mempunyai sebarang pengharapan terhadap anak-anak. Pendek kata, kanak-kanak sering dimanjakan dan kurang diberi perhatian sepenuhnya.

v. Kecerdasan Emosi

Kecerdasan emosi didefinisikan sebagai kecerdasan sosial yang berperanan untuk mengawal emosi, membezakan emosi dan menggunakan kedua-duanya untuk mengawal pemikiran dan tingkah laku (Mayer & Salovey, 1995). Selain itu, kecerdasan emosi juga adalah proses yang merangkumi pengiktirafan, memahami, penggunaan, dan mengurus emosi sendiri dan emosi orang lain dalam menyelesaikan sebarang rintangan yang beremosi dan mengawal tindakan (Mayer & Salovey, 1997; Salovey & Mayer, 1990). Dalam konteks kajian ini, kecerdasan emosi dilihat sebagai bagaimana seseorang kanak-kanak itu tahu mengenal emosi, tahu memahami emosi, tahu mengguna emosi dan tahu mengawal emosi untuk membangunkan kecerdasan emosinya.





vi. Pendidikan Tinggi

Pendidikan didefinisikan sebagai suatu usaha sistematis yang disengajakan, yang dibuat oleh sesuatu masyarakat untuk menyampaikan pengetahuan, nilai, sikap dan kemahiran kepada ahlinya, serta usaha memperkembangkan potensi individu dan perubahan yang berlaku dalam diri manusia (Jaafar, 2009). Ringkasnya pendidikan adalah pengalaman yang diperoleh menerusi pancaindera yang memberikan kesan terhadap pemikiran manusia. Pengetahuan, kemahiran dan nilai murni akan diwarisi dari generasi ke generasi dalam proses membangunkan ketamadunan negara dan bangsa secara berterusan (Sarju, Hamzah, & Udin, 2007). Dalam konteks kajian ini, ibu bapa berpendidikan tinggi merujuk kepada ibu bapa yang telah mempunyai Ijazah Sarjana Muda (Degree), Ijazah Sarjana (Masters) atau Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

vii. Kanak-kanak

Berdasarkan Dasar Kanak-kanak Negara (2008), kanak-kanak merupakan sebahagian daripada masyarakat yang amat penting dan merupakan asset negara dan penyambung nadi pembangunan negara pada masa hadapan. Dalam konteks kajian ini, kanak-kanak adalah individu yang berusia enam tahun dan bersekolah di tadika swasta.





viii. Tadika

Di bawah peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], tadika didefinisikan sebagai mana-mana tempat di mana pendidikan prasekolah (empat hingga enam tahun) disediakan untuk 10 orang kanak-kanak atau lebih. Dalam konteks kajian ini, tiga buah tadika swasta di daerah Petaling Utama, Selangor dipilih sebagai tempat pengkaji mengumpul data kajian.

1.11 Kesimpulan



Berdasarkan apa yang telah dibincangkan dalam bab ini, jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berjaya dan berkembang dengan baik bukan sahaja bergantung kepada kecerdasan intelek semata-mata malah juga memerlukan kestabilan dari segi kecerdasan emosi. Pengawalan emosi yang baik amat penting apabila seseorang itu berada dalam keadaan yang tertekan.

Oleh itu, ibu bapa perlu mengamalkan gaya keibubapaan yang positif agar dapat membantu kanak-kanak mencapai kecerdasan emosi yang baik, supaya mereka dapat melatih diri mereka untuk menjadi individu yang sentiasa sabar, tenang dan mampu berfikir dengan rasional apabila menghadapi situasi yang tegang serta sekaligus berjaya dalam kehidupan. Kemahiran ini merangkumi aspek mengenal pasti





emosi, tahu menggunakan emosi, memahami emosi dan berupaya mengawal emosi dengan baik.

